



# Pelopor skim mikro kredit terima ijazah kehormat UPM

Oleh **Fadhilah Mazlan** - November 30, 2022 @ 10:09am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah, berkenan menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi Perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM) kepada Penerima Nobel Peace Laureate 2006, Prof Muhammad Yunus sempena Majlis Konvokesyen UPM ke- 46 kelmarin. - Foto FB UPM

KUALA LUMPUR: Penerima Nobel Peace Laureate 2006, Prof Muhammad Yunus menerima Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi Perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM) kelmarin.

UPM dalam kenyataan berkata, sumbangan Yunus dalam bidang ekonomi dan perniagaan sudah diiktiraf lebih 10 negara termasuk anugerah Tun Abdul Razak Award (1994) dari Malaysia, World Habitat Award (1997) dari United Kingdom, Gandhi Peace Prize (2000) dari India, Petersberg Prize (2004) dari Amerika Syarikat dan Nobel Peace Prize (2006) dari Norway.

Yunus adalah pengasas pinjaman mikro kredit bagi golongan tidak berkemampuan untuk memulakan perniagaan jangka panjang apabila Bangladesh mengalami krisis kebuluran pada tahun 1974. Dari situ beliau mula mengembangkan skim pembiayaan mikro kredit untuk membasmi kemiskinan dengan menubuhkan Grameen Bank.



Pengasas Grameen Bank, Bangladesh - Prof Muhammad Yunus yang juga Penerima Nobel Peace Laureate 2006 akan menjadi Pemegang Kursi Menteri Besar Selangor (MBI) UPM selama 3 tahun. - Foto FB UPM

Beliau juga adalah seorang daripada tujuh individu yang menerima Hadiah Nobel Peace, Pingat Kebebasan Presiden United States dan Pingat Emas Kongres Amerika Syarikat.

Bagi pengiktirafan ini, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UPM akan mengupayakan beliau sebagai Pemegang Kursi Menteri Besar Selangor (MBI) dalam tempoh tiga tahun bagi membentuk kepimpinan dan pengajaran dalam bidang itu.

Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) UPM, Dr Bany Ariffin Amin Noordin, berkata kerjasama Yunus itu secara langsung membantu UPM terutama dalam aktiviti perniagaan sosial serta program komuniti, hasil kerja 'Yunus Social Business'.

"Dengan adanya tokoh sebegini, pengalaman luas mereka boleh dikongsikan bersama fakulti dan universiti untuk memperkuatkan pengajaran dan jaringan industri.

"Yunus akan meningkatkan imej pembelajaran UPM dalam memperluaskan jaringan perniagaan sosial yang dapat dimanfaatkan pada masa akan datang," katanya.

Hadir menyampaikan ijazah kehormat itu ialah Tuanku Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah, berkenan sempena Majlis Konvokesyen UPM ke- 46 kelmarin.